

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS (HULU LANGAT)**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Akta Penerbangan Awam 1969, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 atau akta-akta lain yang berkaitan perlu dipinda atau diperkasakan lagi agar ruang udara negara di pantau dengan sempurna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan ruang udara Malaysia yang ditetapkan berlandaskan kepada *International Civil Aviation Organisation (ICAO) Standard and Recommended Practices (SARPs)*.

Tanggungjawab ini adalah selaras dengan Seksyen 16 dalam Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (Akta 788) telah memperuntukkan fungsi-fungsi CAAM yang antara lain adalah seperti berikut:

- (i) Mengawal selia perihal selamat dan keselamatan penerbangan awam termasuk mewujudkan standard dan menguatkuasakannya;
- (ii) Melindungi penerbangan awam daripada apa-apa tindakan gangguan yang meyalahi undang-undang;
- (iii) Menjalankan pengawasan pengawalseliaan perihal selamat penerbangan awam di dalam Malaysia dan di luar Malaysia; dan
- (iv) Mengadakan perkhidmatan pengemudian udara di dalam Wilayah Maklumat Penerbangan Kuala Lumpur (KLFIR) dan Kota Kinabalu FIR dan mana-mana kawasan lain yang dibenarkan oleh Menteri.

Dalam hubungan ini, CAAM menguatkuasakan perkhidmatan penerbangan awam melalui Peraturan 76 dalam Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam Malaysia dengan menerbitkan 2 *Civil Aviation Directives (CAD)* berhubung pengurusan, pemantauan dan pengawasan ruang udara Malaysia iaitu *CAD 2: Rules of the Air* dan *CAD 11: Air Traffic Services* yang memperincikan SARPs yang telah ditetapkan oleh ICAO.

SOALAN NO. 29

Bagi memperkukuhkan dan memperkasa pengurusan dan pemantauan ruang udara, Kerajaan telah melaksanakan projek pembinaan *Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre* (KLATCC) yang telah mula beroperasi pada 1 September 2021. KLATCC merupakan sebuah pusat kawalan trafik udara negara yang berteknologi tinggi dan bertaraf dunia. Kerajaan telah membelanjakan RM650.366 juta bagi menjayakan projek pembangunan tersebut yang bermula pada 2017. Dengan kelengkapan KLATCC, ruang udara negara telah distruktur semula dari 7 sektor menjadi 14 sektor bagi memastikan pengurusan trafik udara yang lebih efisien dan selamat di samping membolehkan lebih banyak pergerakan pesawat dalam ruang udara negara.

Justeru, tiada keperluan untuk meminda sebarang Akta yang berkaitan dengan penerbangan awam negara.